

# Naik taraf Majlis TVET Negara jadi suruhanjaya

BERITA HARIAN 13 JUN 2025 m/d: 3

## Tranformasi diusaha perkasa lagi pendidikan latihan teknikal dan vokasional

Oleh Amir Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Ayer Keroh:** Kerajaan memper-  
timbangkan cadangan untuk  
menaik taraf Majlis Pendidikan  
dan Latihan Teknikal dan Vo-  
kasional (TVET) Negara kepada  
Suruhanjaya TVET Negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri  
Anwar Ibrahim, berkata per-  
kara itu sedang ditelitinya ber-  
sama Kementerian Kewangan  
sebagai langkah untuk memas-  
tikan pendidikan TVET dapat  
diperkasakan lagi.

“Kami meneliti cadangan itu  
untuk memastikan keutamaan  
mentransformasikan TVET dapat  
dilakukan, termasuk keper-

luan mencukupi, bentuk latihan  
yang baik dan bagaimana kita  
adakan sinergi serta kerjasama  
antara kerajaan dan swasta.

“Suruhanjaya ini adalah ke-  
arah transformasi TVET yang  
sudah dikelolakan dengan baik  
dan meyakinkan ketika ini,”  
katanya ketika merasmikan  
Sambutan Hari TVET Negara  
2025 di Pusat Dagangan Antara-  
bangsa Melaka (MITC), di sini  
semalam.

Yang turut hadir, Timba-  
lan Perdana Menteri yang juga  
Pengerusi Majlis TVET Negara,  
Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Ham-  
idi dan Ketua Menteri, Datuk  
Seri Ab Rauf Yusoh.

Sementara itu, Anwar juga  
menyambut baik usaha mening-  
katkan kadar gaji minimum  
sekarang-kurangnya RM3,000  
sebulan untuk lepasan TVET.

“Apa maknanya dasar yang  
boleh memberikan peluang pe-  
kerjaan yang lebih baik, dulu  
kita katakan gaji minimum  
RM1,700 (tetapi), Datuk Seri  
(Ahmad) Zahid dalam kepu-  
tusan jemaah menteri untuk  
TVET ini tidak bersetuju kerana



Anwar bersama Ahmad Zahid dan Ab Rauf merasmikan Sambutan Hari TVET Negara 2025 di MITC, Ayer Keroh, semalam. Turut kelihatan, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir (kiri) dan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek. (Foto BERNAMA)

kalau ada peluang pekerjaan da-  
pat sampai 98 peratus gajinya  
jumlah itu (RM1,700) itu tidak  
cukup.

“Gaji minimum untuk lulu-  
san TVET kita nak naikkan ka-  
lau boleh sampai RM3,000 mini-  
mum sebagai permulaan supaya  
ada pakar yang dihargai dan di-  
terima oleh syarikat multinasio-  
nal dan juga syarikat tempatan  
atau domestik,” katanya.

### Dana tambahan RM40 juta

Perdana Menteri berkata, ke-  
rajaan juga akan merangka un-  
tuk menumpukan kepada usaha  
membantu lulusan TVET dalam

bidang keusahawanan berben-  
tuk latihan.

Katanya, fokus awal diberi  
adalah berbincang dengan ba-  
dan dan syarikat kerajaan se-  
perti PETRONAS, PERKESO,  
Khazanah Nasional serta Per-  
modalan Nasional Berhad (PNB)  
akan digabungkan untuk melak-  
sanakan usaha terbabit.

“Saya akan pastikan kita (ke-  
rajaan) akan bersidang secepat  
mungkin untuk memastikan  
yang pertama, penumpuan me-  
reka supaya ada sinergi syarikat  
terbabit dengan TVET seperti  
mana yang sudah dimulakan ke-  
tika ini.

“Kedua, menumpukan untuk  
membantu dalam bidang lati-  
han dan keusahawanan supaya  
dapat dipastikan anak lulusan  
TVET dapat pendedahan den-  
gan syarikat serta industri  
baharu.

“Untuk keseluruhan ini  
mungkin memerlukan perbe-  
lajaan besar, walaupun sudah  
ditambah tapi saya meluluskan  
tambahan RM40 juta lagi untuk  
Majlis TVET Negara dan RM10  
juta lagi untuk kerajaan Melaka  
melaksanakan program TVET,  
teknikal dan keusahawanan  
yang diselaraskan oleh Majlis  
TVET Negara,” katanya.